

MAHATHIR -- PEMIMPIN

MELAKA, 19 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI BUAT PERTAMA KALI SECARA TERBUKA MEMBIDAS PARA PEMIMPIN UMNO YANG MEMBISU DAN TIDAK MENYUARAKAN BOKONGAN KEPADA KERAJAAN DALAM ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMIMPIN INI BERSIKAP +BUAT APA MENONJOLKAN DIRI KERANA KONONNYA RAKYAT SENDIRI TAHU MEREKA MENYOKONG KERAJAAN.

+KITA PERLULAH TONJOLKAN DIRI SEDIKIT, KITA PERLULAH PERGI KE MEBATA-RATA TEMPAT UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MENENGGOK KOMITMENT KITA. RAKYAT PUN NAK TENGOK MEREKA DENGAN MATA KEPALA SENDIRI. + TAMBAH BELIAU SEMASA BERUCAP KEPADA 80,000 ORANG YANG BERTAMPILAN DI PADANG PAHLAWAN DI SINI.

PERDANA MENTERI MENSIKATKAN PEMIMPIN ITU SEBAGAI MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DAN JAWATAN Masing-masing TANPA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN RAKYAT.

KITA ADA ORANG YANG MEMAINKAN PERANAN DI BELAKANG TABIR SEPERTI TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN YANG MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI HENRY KISSINGER DALAM ISU ITU. ORANG MACAM DIA TIDAK PAYAHLAH DATANG MENEMUI RAKYAT, + KATANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +YANG LAIN-LAIN PERLULAH MENEMUI RAKYAT UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN SEBENARNYA TENTANG ISU PINDAAN ITU. +

BELIAU BERKATA KALAU BOLEH BELIAU SENDIRI HENDAK MENEMUI SEMUA RAKYAT DI SELURUH NEGARA DAN MEMINTA MAAF KERANA TIDAK DAPAT BERSALAM DENGAN SEMUA HADIRIN DISEBABKAN KAWALAN KESELAMATAN.

-- BERNAMA 17107SA